



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI KELANTAN **BILANGAN 1 TAHUN 2008**

DASAR PENTADBIRAN NEGERI MENGENAI PENANGGUNGAN KERJA JAWATAN YANG BARU WUJUD MELALUI WARAN PERJAWATAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Ketua Jabatan Kerajaan, Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri, Ketua-ketua Jajahan serta Ketua Pengurusan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri berkenaan dasar kerajaan negeri mengenai penanggungan kerja jawatan yang baru wujud melalui Waran Perjawatan sebagaimana yang telah diputuskan menerusi Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 4/435/2008 (103) pada 20 Februari 2008.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pentadbiran Negeri telah bersetuju menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bil. 17 Tahun 2007 – Peraturan Penanggungan Kerja Perkhidmatan Awam untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan yang berkuatkuasa pada 28 September 2007 melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil. 16 Tahun 2007.
- 2.2 Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007 menjelaskan bahawa seseorang pegawai boleh diarah menanggung kerja tugas sesuatu jawatan apabila dikehendaki demi kepentingan perkhidmatan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan dan ada kekosongan. Kekosongan yang dimaksudkan ialah samada "kekosongan hakiki" atau "kekosongan operasi" yang masing-masingnya bermaksud seperti berikut:

" Kekosongan hakiki " bermaksud kekosongan jawatan yang wujud secara mutlak iaitu jawatan yang tidak mempunyai penyandang disebabkan oleh jawatan berkenaan baru diwujudkan samada melalui belanjawan tahunan atau waran perjawatan atau jawatan yang penyandanganya dinaikkan pangkat, bersara,

meninggal dunia, meletak jawatan, dibuang kerja, ditamatkan perkhidmatan, dilantik ke skim perkhidmatan lain atau bertukar;

" Kekosongan operasi " bermaksud kekosongan jawatan secara sementara kerana penyandanganya bercuti, menjalankan tugas rasmi di luar pejabat, berkursus, dipinjamkan atau ditukar sementara, memangku, ditahan/digantung kerja atau tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan.

2.3 Suatu penangguhan kerja bolehlah dibuat apabila didapati mustahak atas kepentingan perkhidmatan, namun begitu bagi jawatan-jawatan baru yang diwujudkan dan belum diisi secara hakiki sebelumnya, pemberian penangguhan kerja adalah tidak digalakkan dan tidak diberi keutamaan sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 4/435/2008 (103) yang bersidang pada 20 Februari 2008.

3. KEPUTUSAN

Sejajar dengan keputusan tersebut pentadbiran negeri ini menetapkan tidak akan menimbang dan tidak akan meluluskan bayaran elaun penangguhan kerja bagi jawatan yang baru diwujudkan samada melalui belanjawan tahunan atau waran perjawatan Penstrukturan Semula Jawatan-jawatan bagi jawatan-jawatan yang belum pernah diisi secara hakiki.

4. PEMAKAIAN

4.1 Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 28 September 2007 iaitu bersamaan dengan tarikh pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Persekutuan Bil. 17 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil. 16 Tahun 2007.

Sekian, dimaklumkan.

(DATO' HAJI MOHD AISERI BIN ALIAS)
SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 28 Jamadilawal 1429H
03 Jun 2008M

[SUK.D.200(01)600/10 Jld. 11/(75)]